

## **KAJIAN BERKAITAN DENGAN PERLAKUAN MELEPAK**

Azizi Yahaya & Gan Lui Nam  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia.

**Abstrak** : Kajian ini berkaitan dengan perlakuan melepak di kalangan remaja. Terdapat tiga hubungan terhadap perlakuan melepak iaitu hubungan peranan ibu bapa, hubungan peranan sekolah dan juga hubungan peranan rakan. Artikel ini turut disertakan dengan penerangan terhadap hubungan-hubungan tersebut.

*Katakunci* : perlakuan melepak, peranan rakan, peranan sekolah, peranan ibu bapa.

### **Kajian Berkaitan Dengan Perlakuan Melepak**

Kajian kerjasama Kementerian Belia dan Sukan dengan Shamsuddin dan Iran Herman (1993), telah membuktikan bahawa perlakuan melepak telah menjadi satu budaya di kalangan remaja dan orang dewasa. Yang membimbangkan ialah 80% adalah di kalangan remaja berumur 14 hingga 18 tahun dan 45.8% adalah pelajar. Kajian ini telah dijalankan di beberapa pusat membeli-belah di Malaysia dengan menggunakan soalan soal selidik yang direka sendiri.

Menurut kajian Mohammad Shatar Sabran (2003), negeri Johor menunjukkan frekuensi dan aliran salah laku tingkah laku remaja yang tinggi. Kajian ini dijalankan ke atas 1642 responden dan didapati ada lapan belas jenis tingkah laku yang tidak baik. Di antara frekuensi yang tertinggi ialah kegiatan lepak, iaitu 49.9%. didapati juga remaja yang berumur 16 hingga 18 tahun paling ramai melepak, remaja lelaki meliputi 53.6% dan perempuan meliputi 46.4%. Remaja yang masih bersekolah paling ramai melepak meliputi 95.3%, iaitu 47.2% adalah datang daripada pelajar sekolah menengah dan 36.9% adalah datang daripada pelajar lepasan SPM/V yang masih melanjutkan pelajaran.

### **Kajian Berkaitan Dengan Hubungan Peranan Ibu Bapa Dan Perlakuan Melepak**

Hasil kajian Razali (1994), merumuskan bahawa melepak adalah disebabkan oleh ibu bapa yang tidak prihatin terhadap anak-anak mereka sehingga anak dibiarkan bergaul bebas tanpa kawalan.

Universiti Malaya (1998), telah menjalankan kajian tingkah laku remaja ke atas 1642 pelajar dari 9 buah sekolah menengah di negeri Johor. Hasil kajian menunjukkan bahawa remaja sangat memerlukan sokongan, perhatian dan kasih sayang daripada ibu bapa mereka. Ibu bapa sering menjadi model untuk berjaya. Kajian juga menunjukkan bahawa pengawalan dan

pengawasan keluarga penting untuk mencegah remaja terlibat dalam aktiviti sosial yang tidak baik.

Kajian lepas tentang perlakuan melepak telah disentuh oleh Iran Herman (1995) yang membincangkan tentang tingkah laku melepak di kalangan remaja luar bandar. Menurut kajian, menunjukkan bahawa remaja menghabiskan masa melepak secara purata sebanyak 22.4 jam seminggu. Puratanya hampir sama di kalangan pelajar remaja dan pekerja yang tinggal di luar bandar. Remaja menganggap melepak adalah untuk berehat, lepak menjadi trend remaja, mendapat keseronokan kerana ibu bapa mereka tidak menghalang mereka untuk melakukan tingkah laku melepak ini. Keputusan kajian menggambarkan bahawa nilai, sikap dan persepsi remaja terhadap aktiviti tersebut mendorong mereka untuk terlibat dengan gejala sosial. Aktiviti melepak melahirkan beberapa tingkah laku devian dan masalah sosial di kalangan remaja.

Zahwiyah (1995), juga telah melakukan satu kajian bertujuan untuk mengenalpasti sejauhmanakah masalah tingkah laku melepak tanpa tujuan yang melanda remaja masa kini dipengaruhi oleh pendidikan sesebuah keluarga. Selain itu, kajian ini juga melihat sejauhmanakah corak pendidikan yang digunakan oleh ibu bapa itu boleh mendorong remaja untuk terus melepak bersama rakan yang lain. Dalam kajian tersebut, seramai 80 orang responden telah dipilih sebagai sampel yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan melibatkan 10 pasangan ibu bapa. Borang soal selidik dan soalan yang digunakan dalam kajian ini yang berkait dengan faktor yang lebih cenderung melakukan tingkah laku melepak, hubungan di antara keluarga dengan tingkah laku melepak dan sebab-sebab yang menunjukkan remaja teramai terlibat dalam tingkah laku melepak. Hasil daripada kajian tersebut, banyak sebab remaja melepak adalah kerana kurangnya perhatian daripada keluarga yang mendorong remaja mereka melepak yang mempunyai kaitan dengan masalah sosial. Kegagalan ibu bapa memainkan peranan mereka menjadikan golongan remaja kehilangan arah dalam menentukan hala tuju hidup mereka.

Daripada hasil kajian Mohd. Sharani, Zainal dan Mohamad Ibrani (2002), peranan ibu bapa adalah penting dalam mengawal tingkah laku remaja. Tujuan kajian adalah mengkaji hubungan fungsi keluarga dengan kesan tingkah laku remaja.

Oskasmazila (2000) menjalankan kajian terhadap 80 pelajar untuk mengkaji hubungan antara amalan keibubapaan dan masalah sosial. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara amalan keibubapaan dan masalah sosial di kalangan pelajar.

Kajian Coppersmith dikembang melalui kajian penilaian tingkah laku dan perangai individu terhadap interaksi dengan ibu bapa, rakan, sekolah dan minat. Biasanya kajian Coppersmith biasa difokuskan kepada kanak-kanak. Terdapat 50 soalan dalam satu set soalan. Sampel kajian diminta menjawab soalan dengan jawapan sama ada macam seperti saya atau

tidak macam seperti saya. Coppersmith (1967) telah melaporkan kajiannya terhadap 1700 kanak-kanak berumur antara 10-12 tahun yang mengukur penghargaan sendiri kanak-kanak. Daripada kajiannya, didapati bahawa kanak-kanak dengan penghargaan sendiri yang tinggi mempunyai ciri-ciri seperti aktif, berjaya dalam akademik dan aktiviti sosial. Kanak-kanak golongan ini biasanya tidak suka mendengar sahaja, tetapi lebih suka menyumbangkan idea dalam perbincangan. Mereka tidak sensitif kepada kritikan daripada orang lain. Ini kerana mereka lebih berkeyakinan pada diri sendiri. Kanak-kanak ini melihat diri mereka penting, berharga dan menghargai diri sendiri. Dengan ini, boleh dikatakan mereka mempunyai harga diri yang tinggi. Mereka jenis ini kurang dipengaruhi oleh orang lain tetapi cenderung mempengaruhi orang lain. Dalam kajiannya, didapati kekuatan atau kelemahan konsep sendiri seseorang itu mempunyai hubungan dengan sikap, tingkah laku, gaya ibu bapa semasa bersama kanak-kanak terutamanya mendidik, memberi layanan mesra serta peraturan keluarga yang ditetapkan oleh kedua-dua ibu bapa.

Kajian Abdullah Al-Qari Hj. Salleh (1989), remaja yang ibu bapa kurang memberi kasih sayang, terlalu pasif ataupun terlalu autokratik akan menghasilkan remaja yang bermasalah, memberontak dan memesong ke arah negatif.

### **Kajian Berkaitan Dengan Hubungan Peranan Sekolah Dan Perlakuan Melepak**

Kajian Corno dan Mandinach dalam Razali (2004), mendapati bahawa pengawalan emosi semasa proses pengajaran dan pembelajaran adalah penting agar memudahkan pelajar memahami dan tidak berasa bosan ke sekolah. Seronok ke sekolah bermakna pelajar akan menjauhi perlakuan melepak.

### **Kajian Berkaitan Dengan Hubungan Peranan Rakan Dan Perlakuan Melepak**

Idris (2000) menjalankan kajian mengenal pasti punca-punca yang menyebabkan berlakunya budaya melepak serta masalah sosial di kalangan remaja di Johor Bahru. Kajian ini dijalankan pada hujung minggu di Pantai Lido, bangunan KOMTAR, stesen bas Larkin terhadap 80 pelajar remaja. Hasil kajian mendapati bahawa faktor rakan sebaya adalah punca utama menyebabkan budaya melepak, di samping faktor ekonomi semasa, pengaruh persekitaran, hubungan kekeluargaan, konsep sendiri dan pendidikan agama.

Kajian Manja (1996), apabila remaja sudah yakin dengan pemilihan rakan yang sama minat, maka hubungan mereka akan menjadi lebih erat. Remaja juga akan mengikuti apa jua perlakuan rakannya.

Kajian Jones dan Leviton (dalam Zulkifli, 1990), menunjukkan remaja lebih suka berbincang masalah peribadi bersama rakan sebaya berbanding dengan orang dewasa. Pendapat

ini disokong oleh Noran (1991), menyatakan remaja sangat sensitif terhadap pendapat rakan sebaya berbanding dengan orang dewasa.

## Rujukan

- Samsudin Rahim dan Iran Herman. (1993). *Remaja dan Aids: Media, Nilai, Personaliti dan Tingkah Laku*. Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Mohd. Shatar Sabran (2003). *Pengenalan kepada Masalah Sosial*. Universiti Putra Malaysia.
- Razali Che Mat (1994). *Remaja Lepak Semua Pihak Perlu Campur Tangan*. dalam Dewan Siswa, April, hlm. 30-43.
- Razali Mohammad (2004). *Kecerdasan Emosi dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik dan Tingkah Laku Kenakalan Pelajar*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana.
- Universiti Malaya (1998). *Kajian Tingkah Laku Remaja di Johor*. Penerbit Universiti Malaya.
- Iran Herman (1995). *Tingkah laku Lepak Di Kalangan Remaja Luar Bandar*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia: True Times.
- Zahwiyah Bujang (1995). *Pendidikan Keluarga dan Pengaruhnya Terhadap Tingkah Laku Melepak di kalangan Remaja: Satu kajian Kes di Bandar Baru Jasin, Melaka Bandaraya Bersejarah*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Oskasmalia Osman (2000). *Hubungan Antara Amalan Keibubapaan Dengan Masalah Sosial di Kalangan Pelajar Diploma Sains*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana Muda.
- Coppersmith.(1967). *The Actecedents of Self-Esteem*. W.H.Freeman, San Francis Co.
- Abdullah Al-Qari Hj. Salleh (1998). *Dasar-dasar Pendidikan Menurut Islam*. Pustaka Aman Press: Kelantan.
- Idris Harun (2000). *Fenomena Budaya Lepak di Kalangan Remaja di Bandaraya Johor Bahru*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Manja Mohd Ludin (1990). *Psikologi Sosiologi dan Falsafah dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkifi Yusuf (1990). *Panduan Khidmat Bimbingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noran Fauziah Yaakob (1991). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.